

15/09/2000

MB Pahang bersedia pikul tanggungjawab

KUANTAN, Khamis - Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob, bersedia memikul sebarang tanggungjawab, termasuk sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri seperti diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin lalu.

Sebagai ahli parti, katanya, beliau mematuhi arahan pemimpin tertinggi, iaitu Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri.

"Apa saja diarahkan untuk saya buat, insya-Allah saya akan cuba melakukan sebaik-baiknya," katanya selepas pulang daripada mengerjakan Umrah di Lapangan Terbang Sultan Ahmad Shah di sini, awal pagi ini.

Selain penyokong, turut menyambut kepulangan beliau ialah beberapa ahli exco kerajaan negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri.

Adnan mengulas langkah Tan Sri Khalil Yaakob melepaskan jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu.

Serentak itu, jawatan berkenaan diserahkan kepada Adnan selaku Menteri Besar.

Mengenai laporan sebuah akhbar kononnya beliau akan melepaskan jawatan sebagai Menteri Besar, Adnan berkata: "Kita dalam parti jangan memikirkan tempat dan kedudukan.

"Apa yang penting ialah sejauh mana kita boleh memainkan peranan supaya parti dan kerajaan terus mendapat sokongan padu rakyat dan ini membolehkan kita merancang program pembangunan demi agama, bangsa dan negara, keamanan serta perpaduan negara."

Laporan berkenaan antara lain mendakwa Adnan mungkin dilantik senator bagi membolehkannya menganggotai barisan Kabinet.

Ia juga menyebut Adnan dikatakan mempunyai masalah dengan beberapa ketua bahagian Umno di Pahang sehingga menyebabkan berlaku kesukaran mencapai persetujuan membabitkan beberapa perkara penting.

Adnan enggan mengulas apabila ditanya sama ada beliau sudah mengenal pasti dalang yang cuba mengganggu gugat kepemimpinannya sebagai Menteri Besar.

"Akhbar yang menyiarkan laporan itu sepatutnya mengetahui sumber berita berkenaan," katanya.

(END)